



**Ucapan Perasmian Yang Berhormat Dato' Seri Dr. S. Subramaniam  
Menteri Sumber Manusia**

**SEMPENA KARNIVAL KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (KKP)  
DI SEKTOR PERTANIAN**

Tarikh : 14 Julai 2012

Masa : 9.00 pagi

Tempat : Pusat Latihan Dan Rekreasi FELCRA Tebing Tinggi, Segamat

Anjuran : Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan  
dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Johor)

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia,

1. Terlebih dahulu, saya ingin meluahkan rasa gembira saya kerana pada hari ini saya dapat hadir bersama tuan-tuan dan puan-puan semua di KARNIVAL KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN DI SEKTOR PERTANIAN 2012 dan MAJLIS PENUTUPAN MINGGU KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 2012 PERINGKAT KEBANGSAAN pada pagi ini.
2. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan **terima kasih** kepada pihak pengajur program kerana sudi menjemput saya bagi melancarkan program yang telah diatur di sini hari ini, bagi tujuan meningkatkan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) di kalangan majikan dan pekerja khususnya di sektor pertanian. Komitmen, semangat serta kesungguhan daripada peserta, pengajur dan penglibatan pihak PERKESO, NIOSH dan JKPP yang ditunjukkan bagi sama-sama menjayakan karnival amat membanggakan saya. Ucapan tahniah dan terima kasih yang tak terhingga dapat saya ucapkan.
3. Saya dimaklumkan bahawa pada hari ini seramai lebih kurang **500 orang peserta** di kalangan **majikan** termasuklah Pengurus kilang dan ladang, Pengurusan Sumber Manusia, para **pekerja** daripada pelbagai industri di seluruh Johor serta **penduduk** di sekitar Segamat hadir bagi mengikuti program yang telah disediakan oleh pihak pengajur sepanjang hari ini. Diharap informasi yang diperolehi di sepanjang program ini berlangsung, akan dapat memberi manfaat sepenuhnya dalam rangka usaha untuk menerapkan budaya kerja selamat dan sihat di tempat kerja.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

4. Pada masa kini, Kerajaan sedang berusaha keras untuk menjadikan Malaysia sebuah Negara ekonomi berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Tumpuan diberikan kepada program-program seperti Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) dalam meningkatkan tarat kehidupan rakyat Malaysia, **Pelan Transformasi Ekonomi (ETP)** dalam meningkatkan ekonomi Negara, Model Ekonomi Baru (NEB) dan Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10). Berdasarkan kepada program-program tersebut, **sektor pertanian** merupakan salah satu bidang ekonomi utama Negara (**NKEA**) dengan 16 Projek Permulaan (EPP) telah diperkenalkan oleh Kerajaan. Program yang disenaraikan ini sekaligus selari dengan hasrat Perdana Menteri Malaysia untuk memudahkan dan mensejahterakan rakyat.
5. Dalam usaha kerajaan untuk mencapai status negara maju menjelang tahun 2020, kepesatan dan kemajuan sains dan teknologi dilihat memberikan impak yang positif terutama dengan meningkatnya daya saing dan permintaan terhadap hasil produk dan tenaga kerja mahir di semua sektor industri. Secara tidak langsung **kepesatan dalam sektor** ini turut **menyumbang kepada risiko KKP** yang mungkin timbul akibat daripada aktiviti pekerjaan yang mereka jalankan. Oleh itu, langkah-langkah tertentu perlulah diambil bagi mencegah dan menangani risiko tersebut agar para pekerja atau sesiapa sahaja yang mungkin terdedah kepada risiko ini akan sentiasa dilindungi.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

6. Bagi memastikan pematuhan di dalam aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan, pihak JKKP menjalankan **audit secara berterusan**. Pada tahun 2010, daripada 103 ladang yang telah di audit, hanya 10(9.7%) ladang mempunyai status pengurusan KKP yang baik, 38(36.9%) sederhana, 37(35.9%) kurang baik dan 18(17.5%) lemah. Manakala pada tahun 2011, daripada 138 ladang yang telah di audit, sebanyak 31(22%-Gred A & B) ladang mempunyai status pengurusan KKP yang baik, 39(28%-Gred C) sederhana, 49(36%- Gred D) kurang baik dan 19(14%-Gred E) lemah.

#### **\*Keputusan Audit**

Tahun	Baik	Sederhana	Kurang Baik	Lemah
2010	10(9.7%)	38(36.9%)	37(35.9%)	18(17.5%)
2011	31(22%)	39(28%)	49(36%)	19(14%)

7. Secara keseluruhannya, **hasil audit** menunjukkan bahawa tahap pematuhan KKP di sektor perladangan **masih kurang memuaskan** di mana didapati **tiada satu ladang** pun mencapai tahap **cemerlang** daripada keputusan audit yang telah dijalankan dan tidak semua ladang mematuhi ketiga-tiga aspek elemen penting dalam sistem pengurusan KKP.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

8. **Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan** adalah satu acara tahunan yang **disambut pada minggu kedua bulan Julai** setiap tahun susulan daripada kelulusan dan arahan Kabinet pada 24 Mei 2006. Pelbagai program dan aktiviti dirancang dan dijalankan bagi menjayakan sambutan minggu tersebut bertujuan bagi menghebahkan maklumat terkini berkaitan isu-isu keselamatan dan

kesihatan serta mempromosi pembentukan dan pemeliharaan budaya kerja selamat dan sihat di kalangan majikan, pekerja dan orang awam.

9. Pada tahun ini “MAJIKAN & PEKERJA BERINOVATIF PENGERAK TRANSFORMASI KKP” telah dipilih sebagai **tema sambutan**. Selari dengan perubahan dan perkembangan dalam aktiviti pekerjaan di Negara ini, adalah diharapkan agar semua pihak yang terlibat dapat bekerjasama dan komited dalam menjadikan tempat kerja masing-masing kondusif, selamat dan sihat. Segala keperluan perundangan serta garis panduan telah tersedia untuk diadaptasi dan diperaktikkan dalam aktiviti setiap pekerjaan dan untuk ini adalah diharapkan agar para majikan dan pekerja khususnya dapat menjadikan hasrat Kerajaan dalam mewujudkan satu Budaya Kerja Selamat dan Sihat satu realiti.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

10. Kejadian **kemalangan** di tempat kerja banyak memberikan **kesan buruk kepada Negara** amnya serta organisasi terlibat khususnya. Kos yang perlu ditanggung oleh majikan sekiranya berlaku kemalangan adalah lebih tinggi berbanding kos yang perlu dikeluarkan untuk memastikan keselamatan di tempat kerja. Majikan bukan sahaja perlu membayar kos rawatan, bayaran ganti rugi dan pampasan kepada keluarga mangsa malah kehilangan pekerja yang terlatih, gangguan terhadap pengeluaran, kerosakan jentera dan juga mungkin terdedah kepada tindakan saman sivil. Setiap majikan perlulah mengambil inisiatif dan langkah proaktif bagi mencegah kejadian yang boleh memudaratkan keselamatan dan kesihatan pekerja. Pada tahun 2011, **PERKESO** telah **membelanjakan** sebanyak **RM1.73 bilion** bagi tujuan pembayaran pampasan terhadap mangsa yang terbencana.

11.Pada tahun 2010, **jumlah kemalangan** yang dilaporkan kepada **PERKESO** adalah sebanyak 57,639 kes yang melibatkan 1,194 kes kemalangan maut. Manakala bagi tahun 2011, sebanyak 59,897 kes kemalangan telah dilaporkan kepada PERKESO yang melibatkan 1,254 kes kemalangan maut. Sektor perladangan juga adalah salah satu industri yang menyumbang kepada jumlah kemalangan di negara kita. Pada tahun 2010, sebanyak 196 yang melibatkan 3 kes Kemalangan Maut, 2 kes Kejadian Berbahaya, 3 kes Hilang Upaya Kekal dan 188 kes Tanpa Hilang Upaya Kekal. Manakala pada tahun 2011, sebanyak 189 yang melibatkan 10 kes Kemalangan Maut, 2 kes Hilang Upaya Kekal dan 177 kes Tanpa Hilang Upaya Kekal yang **dilaporkan kepada JKKP**. Pihak JKKP sentiasa berusaha di dalam memastikan bahawa setiap majikan mematuhi perundangan yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Pada tahun 2009 sahaja sebanyak 149 kes tindakan mahkamah, 259 kes kesalahan telah dikompaun dan 3,407 notis larangan dan pemberian telah dikeluarkan di bawah AKKP 1994 dan Akta Kilang dan Jentera 1967.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

12.Di antara **faktor yang menyumbangkan kepada kemalangan** tersebut berlaku adalah akibat daripada terkena sabit, terjatuh dari traktor atau jentolak, dihempap backhoe, pokok sawit atau buah sawit, disengat lebah, diserang binatang dan disambar petir ketika sedang bekerja. Bagi mengelakkan berlakunya kemalangan ini, komitmen daripada pihak majikan dan pekerja terhadap pematuhan perundangan terhadap KKP adalah amat penting. Setiap majikan dan pekerja hendaklah berganding bahu dalam menjayakan pengurusan KKP di tempat kerja masing-masing. Keselamatan, kesihatan dan keselesaan

tempat kerja perlu diutamakan melalui pembudayaan yang berterusan tentang amalan ciri-ciri sistem pengurusan KKP yang baik.

13. Setiap majikan perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran pengawalan risiko melalui amalan **pengurusan sistem KKP** yang berkesan. Ini dapat membantu majikan mengenalpasti secara proaktif punca kemalangan dan kecederaan ke atas pekerja dan seterusnya mengambil tindakan susulan yang berkaitan. Lazimnya, tindakan susulan dilakukan dengan melaksanakan penambahbaikan secara berterusan bagi menangani isu-isu keselamatan dan kesihatan yang berbangkit di tempat kerja.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

14. Kemalangan sifar bermaksud mencapai tempat kerja yang bebas daripada kemalangan. Ianya boleh dicapai dengan mengambil tindakan pencegahan kemalangan secara mengenal pasti, memahami dan menangani segala hazard yang wujud dalam diri semua pekerja dan potensi hazard yang wujud di tempat kerja. Untuk mencapai matlamat kemalangan sifar ia memerlukan penglibatan dan komitmen tinggi daripada semua pihak yang terlibat termasuk kerajaan, majikan dan pekerja. Usaha yang gigih dengan penglibatan yang aktif daripada pihak majikan, pekerja dan orang ramai perlulah secara berterusan, komprehensif dan bersepadu untuk meningkatkan kesedaran tentang keperluan mewujudkan tempat kerja yang selamat dan sihat. Saya berharap program ini akan dapat mencapai objektifnya melalui program yang telah diatur. Saya juga berharap semua peserta akan mendapat memanfaatkan yang sebaik mungkin.

15. Sebelum saya mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas kepada Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Jabatan

Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Johor) serta semua agensi lain yang terlibat di dalam pengajuran program pada hari ini. Saya berharap agar usaha mapan ini dapat diteruskan di masa-masa yang akan datang.

Dengan ini, saya merasmikan **PROGRAM KARNIVAL KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (KKP) DI SEKTOR PERTANIAN .**

Sekian terima kasih.